

TAZKIRAH MINGGU INI

Pusat Islam

Mon 16/10/2017 11:12 AM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



Pusat Islam
ISLAMIC CENTRE
Universiti Utara Malaysia



16 Oktober 2017/ 25 Muharram 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera

YBhg. Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan

PUSAT ISLAM ONLINE:

Tazkirah minggu ini untuk renungan bersama:

Allah Gembira Menerima Taubat Hamba

Daripada Abu Hamzah Anas bin Malik al-Ansari RA – khadam Rasulullah SAW – menerangkan bahawa Rasulullah SAW bersabda "Sesungguhnya Allah lebih gembira menerima taubat hamba-Nya ketika dia bertaubat kepada-Nya, daripada kegembiraan seseorang yang mengendarai binatang tunggangannya, kemudian binatang tunggangan itu hilang di padang yang luas, sedangkan di atas binatang itu bekalan makanan dan minumannya hingga dia rasa berputus asa daripada menemuinya kembali. Lalu dia berteduh di bawah sepon kayu dengan perasaan putus asa daripada mendapatkannya kembali. Dalam keadaan itu, tiba-tiba muncul di sisinya binatang tunggangannya yang hilang tadi dan dengan segera dia memegang talinya seraya berkata dengan penuh gembira, "Ya Allah, Engkaulah hambaku dan aku tuhanmu," dia tersalah sebut kerana terlalu gembira. (Sebenarnya apa yang hendak disebut ialah Engkaulah tuhanku dan aku hambamu). Bukhari dan Muslim

Huraian Hadith:

1. Gembira bagi manusia adalah perasaan yang timbul dalam hati disebabkan tercapainya apa yang diinginkan manakala bagi Allah gembira adalah salah satu sifat yang layak bagi-Nya dan ia bukan seperti kegembiraan makhluk.
2. Allah swt suka menerima taubat hamba-Nya dan menyuruh mereka sentiasa bertaubat dan penerimaan taubat hamba adalah salah satu rahmat Allah yang besar.
3. Kesalahan yang tidak disengajakan tidak dianggap salah dan tidak berdosa.
4. Allah sangat gembira menerima taubat seorang hamba melebihi kegembiraan orang yang mendapat kembali barang yang disayanginya.

Wallahua'lam

Sebarang pertanyaan sila hubungi Ustazah Madihah bt Mohamed Ibrahim/ Ustaz Syahril Fazli bin Mat Hussain, Unit Penyelidikan, Penerbitan dan Perundangan Pusat Islam UUM di talian 04-9282558/2567.

PUSAT ISLAM UUM,
KOMPLEKS PUSAT ISLAM,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,
06010 UUM SINTOK, KEDAH
Tel: 04-9282560/2569
Fax : 04-9282561

Website : <http://www.pusatislam.uum.edu.my/>

Email : p.islam@uum.edu.my

Facebook : Pusat Islam UUM



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.